

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

3. Bermula tahun 2018 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberhentikan Program Penghargaan Pelajar Emas bagi Tahun 1 dan 4 & Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Baru-baru ini perubahan politik telah berlaku dalam pentadbiran.
 - (a) Adakah program ini akan dikembalikan semula?
 - (b) Sekiranya ada, adakah syarat lama dikekalkan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Program Skim Pelajar Emas merupakan salah satu daripada Program Bantuan Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 tetapi dihentikan pada 2019.
 - (a) Program bantuan ini telah dihentikan setelah Kerajaan Negeri mendapati terdapat pertindihan antara bantuan yang disalurkan Kerajaan Negeri dan bantuan Kerajaan Persekutuan. Hasil kajian Jawatankuasa Semakan Semula Program Kebajikan Kerajaan Negeri mendapati terdapat pertindihan dengan bantuan Kerajaan Persekutuan seperti Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar (KWAP), dan juga Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Pembatalan program bantuan ini adalah untuk mengelakkan penerima-penerima bantuan mendapat insentif yang lebih daripada sepatutnya dan tiada kaitan dengan perubahan pentadbiran mana-mana kerajaan. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri masih meneliti penambahbaikan lain

yang perlu dilakukan untuk program bantuan kepada pelajar-pelajar miskin negeri sebelum membuat keputusan untuk mengembalikan pelaksanaannya.

- (b) Proses penambahbaikan yang dinyatakan termasuklah penelitian untuk menambah baik syarat-syarat yang sesuai bagi memastikan tiada pelajar-pelajar yang layak menerima bantuan akan terpinggir sekiranya bantuan ini diperkenalkan semula. Pada masa yang sama, penambahbaikan ini juga akan memastikan bantuan-bantuan yang disalurkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak bertindih dan dapat disalurkan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar layak menerima bantuan.